

PM jamin isu tiket mahal, penerbangan ditunda akan diselesaikan

Oleh Izwan Abdullah - Mei 20, 2022 @ 10:58am
bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (tengah) beramah mesra dengan sebahagian tetamu pada Jamuan Aidilfitri Barisan Nasional Sabah semalam. - Foto BERNAMA

KOTA KINABALU: Kerajaan akan mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkaitan untuk mengatasi isu kenaikan harga tiket dan kelewatan penerbangan yang sering dialami penduduk di Sabah dan Sarawak setiap kali musim perayaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata tindakan itu bagi memastikan isu yang sama tidak berulang pada musim perayaan akan datang.

"Kerajaan sentiasa peka dengan keluh kesah Keluarga Malaysia termasuklah isu kenaikan harga tiket penerbangan yang tidak munasabah dan masa penerbangan yang ditunda ketika musim perayaan.

"Justeru, perbincangan akan diadakan dengan pihak-pihak terlibat supaya Keluarga Malaysia tidak lagi bimbang ketika hendak pulang ke kampung halaman pada musim perayaan akan datang," katanya pada pelancaran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia peringkat negeri Sabah, di sini, hari ini.

Yang turut hadir Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, penduduk di Pagalungan, Nabawan yang sebelum ini perlu ke Keningau sejauh lebih 100 kilometer untuk mendapatkan Pas Menyeberangi Sempadan atau Pas Lintas Batas ke Kalimantan, Indonesia kini tidak perlu lagi menempuhi kesukaran itu jika ada urusan di negara jiran.

"Saya mahu berkongsi berita gembira bagi penduduk sekitar Pagalungan, Nabawan yang memerlukan Pas Menyeberangi Sempadan atau Pas Lintas Batas.

"Mereka tidak perlu lagi pergi sejauh lebih 100 kilometer ke Keningau untuk mendapatkan pas berkenaan yang kini didapati di Pos Kawalan Imigresen Pagalungan, Nabawan," katanya.

Ismail berkata, urusan pembaharuan Pas Lawatan Jangka Panjang dan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) juga kini boleh dilakukan di semua pejabat Imigresen di negeri ini sejajar dengan pendekatan 'no wrong door policy'.

Beliau berkata kerajaan juga akan menyemak semula Perjanjian Kerjasama Trilateral (TCA) di antara Malaysia, Indonesia dan Filipina bagi mengukuhkan hal ehwal pertahanan dan keselamatan di perairan Sabah.

Katanya, semakin itu sejajar kepentingan kerjasama di antara negara jiran dalam mengawal sempadan negara yang kini terus diperketatkan.

Dalam pada itu, Ismail berkata, penganjuran Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia di Sabah adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memenuhi aspirasi rakyat yang mahu kesejahteraan dan keamanan terus terjamin dan kebajikan mereka terbela.

"Saya berharap Keluarga Malaysia Sabah akan memanfaatkan kemudahan yang disediakan dan menghayati erti sebenar Aspirasi Keluarga Malaysia yang menjamin keharmonian dan kesejahteraan seluruh Keluarga Malaysia," katanya.